

UMS terus tingkat kualiti penyelidikan pembangunan semulajadi dan pertanian

16.7.18 2
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneruskan usaha dalam meningkatkan kualiti penyelidikan dan kajian khususnya dalam aspek pembangunan semulajadi dan pertanian.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata kerjasama ahli akademik dan pemain industri khususnya dalam bidang pertanian adalah kunci kelangsungan ilmu pengetahuan yang akan menghasilkan kejayaan kepada masyarakat.

Menurut D Kamarudin, penyelidik masa kini berdepan dengan cabaran dalam merealisasikan kelestarian bidang pertanian dan kerjasama pemain industri bersama pihak penyelidik dan universiti tempatan mampu memastikan usaha tersebut mampu meneruskan usaha memelihara dan memulihara khazanah berharga.

"Kerjasama universiti dan pemain industri sudah tentu mampu memberi impak positif kepada penyelidik dan kelangsungan hasil kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kerana ilmu dan hasil penyelidikan yang dijalankan mampu dikongsi kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir dalam Majlis Menandatangani Kolaborasi Pintar di Antara Universiti Malaysia Sabah dengan Pemain Industri Asas Tani di Canselori UMS, kelmarin.

Kolaborasi pintar yang dipersetujui turut melibatkan Fakulti Pertanian Lestari bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah dan Hafiz Farm Sdn Bhd.

Turut sama menandatangani kolaborasi pintar ialah Institut

Biologi Tropika Pemuliharaan bersama Yuk Fook Resources bagi kajian dan penyelidikan pengumpulan spesies durian liar.

Selain itu, kontrak penyelidikan kolaborasi turut ditandatangani oleh Institut Penyelidikan Marine Borneo bersama Enrich Marine Sdn. Bhd bagi tujuan kajian dan penyelidikan udang kara.

Hadir menyaksikan majlis tersebut, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Salahuddin berkata usaha kerjasama antara pemain industri bersama universiti dilihat satu usaha wajar yang bakal melahirkan kepakaran dan petani yang mampu mengaplikasikan teknologi moden dalam pengeluaran hasil pertanian.

"Pensyarah-pensyarah kita dan penyelidik kini harus sedia untuk turun padang dan membawa teknologi sekaligus mendekati para petani kita dan memberi nasihat kepakaran berkaitan yang mampu membantu petani kita untuk melonjakkan penghasilan ekonomi mereka.

"Ukuran kejayaan sesuatu sektor bukan hanya dari segi betapa besar atau kecilnya ia, tetapi fokus dan tumpuan yang mampu diberikan dalam menjayakan sesuatu," katanya.

Beliau turut menzahirkan keyakinan beliau terhadap kebolehan UMS sebagai sebuah universiti yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian.

Katanya, usaha berterusan UMS yang dinamik harus dipuji dengan kejayaan yang berjaya dihasilkan.

"UMS berjaya membuktikan keupayaan mereka sebagai



(DUA DARI KIRI) D Kamarudin bersalaman bersama Ir. Harun Abas selepas sesi menandatangani MOA kelmarin.

sebuah universiti yang menyumbang kepada bidang industri asas tani melalui penyelidikan spesies kerapu hibrid dan udang kara yang dilihat mempunyai nilai komersial sangat tinggi di mata dunia," ujar beliau.

Turut berlangsung sesi penyerahan mock-cek berjumlah RMI,000,000 daripada pihak Enrich Marine Sdn. Bhd. kepada UMS.

Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Pengarah JPVS, Ir. Harun Abas, Pengarah Urusan Hafiz Farm Sdn. Bhd, Yusof Nanong, Pengarah Urusan Yun Fook Resources, Datuk Yap Yun Fook dan Pengarah Projek Enrich Marin Sdn. Bhd, Wu Lian. -Oleh NOOR ZAFIRA SHAFIE